



## SIARAN MEDIA

### KPKT UMUM PERUNTUKAN RM2 JUTA BAGI PROJEK NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN DI BAWAH MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI

**LANGKAWI, 6 Mac 2023** – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta kepada Majlis Perbandaran Langkawi (MP Langkawi) dalam Majlis Perasmian Medan Niaga Tanjung Rhu hari ini. YB KM turut mengadakan sesi lawatan ke Pasar Awam Padang Matsirat, Pasar Awam Kuah, Medan Selera Kuah dan kawasan Pelancongan Tanjung Rhu bagi meninjau kemudahan asas, sistem perparitan, pencahayaan dan keperluan berkaitan di pasar awam dan medan selera tersebut.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini meliputi projek menaik taraf dan pembangunan bagi:

1. Projek Menaik Taraf Pasar Awam Padang Matsirat dan Pasar Awam Kuah bagi membaiki kerosakan-kerosakan di pasar tersebut seperti penggantian jubin lantai, bumbung, sistem perparitan, pencahayaan dan lain-lain perkara berkaitan; dan
2. Projek Menaik Taraf Medan Selera Kuah dan Medan Niaga Tanjung Rhu bagi membaiki kerosakan-kerosakan di medan niaga tersebut termasuk pembaikan sistem perparitan dan longkang, sistem pencahayaan dan lain-lain perkara berkaitan.

Menurut YB KM, “Peruntukan naik taraf pasar awam dan medan selera ini disalurkan bagi memberi keselesaan, meningkatkan tahap kebersihan serta jaminan keselamatan kepada para peniaga, pengunjung serta penduduk setempat. Pasar awam juga adalah denyut nadi kehidupan bagi sesebuah masyarakat. Ia merupakan tempat yang menyatukan dan mengeratkan silaturrahim antara penduduk dalam sesebuah masyarakat.”

Tambah beliau, “Kesemua kerja-kerja pembaikan dan naik taraf ini akan dilaksanakan sebelum penghujung tahun 2023. Peruntukan ini merupakan “*performance-based budget*”

atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

KPKT juga turut mempertimbangkan projek-projek baharu melalui pelaksanaan kajian berdasarkan pulangan pelaburan (*return of investment*), analisis kos faedah (*cost benefit analysis*), indeks kesahan dan kebolehpercayaan (*credibility reliability index*) dan *kajian kebolehlaksanaan (feasibility study)*). Dapatkan kajian ini akan memberi fokus yang jelas dan nyata serta menghindarkan ketirisan perbelanjaan atau senario projek gajah putih.

Keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan berjumlah RM2 juta bagi tahun 2023 ini juga merupakan pemangkin bagi merancakkan lagi pemulihan ekonomi industri pelancongan pasca COVID-19 dan sebagai persediaan menerima kemasukan lebih ramai pelancong ke Langkawi.

Tanjung Rhu telah berjaya ditransformasikan sebagai salah satu kawasan tarikan pelancongan utama negara. Ini merupakan hasil kerjasama di antara MP Langkawi dan KPKT melalui penyaluran dana peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek baharu di kawasan Tanjung Rhu seperti pembinaan medan niaga Tanjung Rhu, pembinaan dataran kejat, pembinaan tandas awam dan laluan pejalan kaki dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM2.3 juta sepanjang tahun 2020 dan 2022.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), seramai 2.5 juta pelancong telah menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan pada tahun 2022. Manakala peningkatan kepada kemasukan 3.2 juta jumlah pelancong ke Langkawi telah disasarkan pada tahun 2023. Justeru, adalah penting bagi MP Langkawi untuk menyediakan lebih banyak kemudahan awam dan infrastruktur asas untuk keselesaan bukan sahaja kepada penduduk tempatan malah kepada pengunjung sekaligus meningkatkan kualiti perkhidmatan MP Langkawi.

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah Yang Mulia Tunku Iskandar Shah bin Tunku Muszaffar Shah, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Azhar, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan & Kesejahteraan Komuniti); YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 55551 Faks : 03-8891 55571 E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

